

INSTITUSI WAKAF PEMACU MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG)

WAQF INSTITUTIONS AS DRIVERS OF SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)

Mustapahayuddin Abdul Khalim

Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah,

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM),
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Wan Zahari Wan Yusoff

Jabatan Pengurusan Harta Tanah,

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM),
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Ahmad Zaki Mohamad Malom*

Pusat Pengajian Umum Dan Kokurikulum,

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM),
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

*Corresponding Author's Email: zakimalom@gmail.com

Article History:

Received : 19 March 2025

Accepted : 10 April 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Abdul Khalim, M., Wan Yusoff, W. Z. & Mohamad Malom, A. Z. (2025). Institusi Wakaf Pemacu Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 266-273.

ABSTRAK

Ibadat wakaf memainkan peranan penting dalam memenuhi kemaslahatan masyarakat muslim dari pelbagai bidang. Ia mencakupi perihal individu dan sosial, material dan kerohanian, serta dunia dan akhirat. Wakaf itu sendiri bersifat autonomi, mampan, fleksibel dan berkesinambungan membuktikan ia mampu membantu sesebuah pentadbiran Islam bagi mencapai pembangunan sosioekonomi untuk generasi masa kini dan akan datang. Jika ditelusuri dari sudut sejarah Islam hingga kini, sistem wakaf telah memaparkan pelbagai peringkat pembangunan yang merangkumi semua sektor sosioekonomi iaitu pendidikan, kebudayaan, penjagaan kesihatan, perumahan, makanan dan minuman, infrastruktur serta banyak lagi. Hal ini membuktikan bahawa sistem wakaf ini mempunyai potensi yang tinggi dalam

mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Penulisan ini bertujuan bagi mengkaji dan menjelaskan fungsi dan fleksibiliti wakaf serta keupayaannya untuk mencapai kemajuan seiring dengan SDG. Seterusnya mengkaji cabaran dan penyelesaian serta membentangkan satu cadangan dasar yang praktikal. Secara kesimpulannya, wakaf dapat berfungsi sebagai satu instrumen penting dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan di Malaysia seperti pembangunan komuniti mampan, pengurangan kemiskinan, pendidikan berkualiti, dan pemuliharaan alam sekitar. Oleh itu, penting untuk menggalakkan dan memantapkan lagi pelaksanaan wakaf di Malaysia dalam konteks SDG bagi memperkuuhkan kelestarian dan kesejahteraan negara.

Kata kunci: wakaf; Matlamat Pembangunan Mampan; SDG

ABSTRACT

The role of waqf in fulfilling the welfare of the Muslim community across various fields is significant. It encompasses individual and social aspects, material and spiritual dimensions, as well as both worldly and afterlife benefits. Waqf itself is autonomous, sustainable, flexible, and continuous, proving its capability to assist Islamic governance in achieving socio-economic development for both current and future generations. When traced from the historical perspective of Islam to the present, the waqf system has displayed various stages of development, covering all socio-economic sectors, including education, culture, healthcare, housing, food and beverages, infrastructure, and many more. This demonstrates that the waqf system holds high potential in achieving the Sustainable Development Goals (SDGs). This paper aims to examine and explain the function and flexibility of waqf, as well as its capacity to progress in alignment with the SDGs. It also explores the challenges and solutions, and presents a practical policy proposal. In conclusion, waqf can serve as an essential instrument in achieving the SDGs in Malaysia, such as sustainable community development, poverty reduction, quality education, and environmental conservation. Therefore, it is crucial to encourage and strengthen the implementation of waqf in Malaysia within the context of the SDGs to reinforce the country's sustainability and well-being.

Keywords: waqf, Sustainable Development Goals, SDGs

1.0 PENGENALAN

Wakaf dari sudut bahasa membawa maksud “menahan” dan “menghalang”. Diambil dari perkataan bahasa Arab وقف يقف وفوا. Ia juga diibaratkan seperti memiliki sesuatu dan kemudian melepaskan hak darinya. Wakaf juga boleh diertikan dengan tertahan dan kekal. Perkataan وقيفة pula bermaksud: Kambing yang dikejar oleh anjing hingga ke atas bukit batu dan ia tidak dapat turun sehingga ia ditangkap (Zakaria Abu Al-Hussein, 2007). Menurut Ibn Mandzur dalam kitab *Lisan al-Arab* mengatakan, kata *habasa* berarti *amsakahu* (menahannya). Beliau menambah: *al-*

hubusu ma wuqifa (menahan sesuatu yang diwakafkan), seperti dalam kalimah: *habbasa al-faras fi sabilillah* (ia mewakafkan kuda di jalan Allah) atau *ahbasahu*, dan jamaknya adalah *habais*, yang bermaksud kuda itu diwakafkan kepada pasukan tentera untuk digunakan semasa peperangan (*jihad fi sabilillah*). Beliau juga menambahkan tentang perkataan *waqafa* seperti pada kalimat: *waqfa al-arda ala al-masakin* dia mewakafkan tanah kepada fakir miskin (Ibn Mandzur, 1990).

Imam Syafie dan Imam Hambal berpendapat bahawa wakaf adalah melepaskan harta yang diwakafkan dari pemilikan wakif, setelah sempurna prosedur perwakafan. Wakif tidak boleh melakukan apa saja terhadap harta yang diwakafkan, seperti perlakuan pinda milik kepada yang lain, baik dengan cara tukaran atau tidak. Jika wakif meninggal dunia, harta yang diwakafkan tersebut tidak boleh diwarisi oleh ahli warisnya. Wakif menyalurkan manfaat harta yang diwakafkannya kepada *mauquf alaih* sebagai sedekah yang mengikat, di mana wakif tidak dapat melarang penyaluran sumbangan tersebut. Apabila wakif melarang, maka kadi berhak memaksanya supaya memberikan harta tersebut kepada *mauquf alaih*.

Menurut Al-Baidhawi pula beliau mentakrifkan wakaf adalah “menahan harta yang asal dan menyerahkannya (di jalan Allah) untuk dimanfaatkan. Ia merupakan menahan (pemilikan) harta yang boleh dimanfaatkan dengan mengekalkan ainnya, menghentikan tanggungjawab menguruskannya dan menyerahkan kepada pengurusan yang berkelayakan (Zuhaili, W., 1998). Berpanduan hal ini, dibolehkan untuk wakaf harta tak alih atau harta alih yang boleh dipindahkan hak milik dengan mengekalkan manfaatnya. Maka harta yang diwakafkan terpisah dari pemilikan pemiliknya, ia bukan lagi milik pewakaf dan bukan juga milik penerima wakaf. Bahkan ianya menjadi milik Allah SWT dan faedah yang terhasil selepas wakaf menjadi milik penerima wakaf. Disyaratkan juga wakaf itu dilaksanakan serta merta untuk tempoh selama-lamanya dan wajib tiada padanya *khiar* (pilihan).

Manakala, Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals SDG*) merupakan satu rangka kerja global yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menghadapi cabaran dan mencapai kemampunan sosial, ekonomi, dan alam sekitar di seluruh dunia. Agenda ini telah mendapat persetujuan daripada 193 negara anggota PBB dan Malaysia adalah salah satu yang komited kepada pencapaiananya (Ismail, et al., 2018). SDG terdiri daripada 17 matlamat yang luas yang merangkumi pelbagai aspek pembangunan manusia dan alam semula jadi. Ia termasuk penghapusan kemiskinan, keselamatan makanan, pendidikan berkualiti, kesihatan yang baik, pembangunan bandar yang mampan, perlindungan alam sekitar serta banyak lagi (United Nation Development Programme, 2019).

Wakaf dan SDG mempunyai hubungan yang berkait rapat. Sistem wakaf yang tertumpu pada tujuan amal dan kemasyarakatan boleh memberikan sumbangan yang berimpak besar terhadap pencapaian SDG. Institusi wakaf memainkan peranan penting dalam memperbaiki taraf hidup komuniti yang memerlukan, meningkatkan akses kepada perkhidmatan pendidikan, kesihatan, memperbaiki infrastruktur bandar, memulihara alam sekitar, dan mengurangkan kemiskinan (Siti Mashitoh Mahamod, 2007). Dari konteks SDG, wakaf dapat berperanan sebagai satu instrumen penting dalam membina masyarakat yang lebih saksama dan mampan. Ia menggalakkan penggunaan sumber negara secara beretika dan bertanggungjawab, serta mempromosikan pembangunan yang tidak hanya memberi manfaat kepada

generasi semasa, tetapi juga generasi yang akan datang (Abdul Majid Omar & Kamisah Supian, 2023).

Dalam usaha mencapai matlamat SDG, penting untuk menggalakkan kesedaran mengenai wakaf dan menguatkuaskan pengurusan yang baik terhadap harta wakaf. Institusi-institusi wakaf dan organisasi seperti Yayasan Wakaf Malaysia berperanan penting dalam memberikan panduan, bimbingan, dan sokongan kepada mereka yang berminat untuk menubuhkan dan menguruskan wakaf. Melalui usaha secara bersama dalam memanfaatkan potensi wakaf, Malaysia dapat bergerak ke arah mewujudkan dunia yang lebih adil, mampan, dan harmoni. Semua pihak berkepentingan perlu memfokuskan semula dan meningkatkan usaha mereka di kawasan-kawasan yang perlahan dalam pembangunan. Ia juga bermatlamat untuk memperkuatkkan pengerahan sumber dalam negeri, termasuk melalui sokongan antarabangsa kepada negara-negara membangun, untuk meningkatkan kapasiti domestik untuk cukai dan kutipan hasil lain (United Nations Development Programme, 2019). Rajah 1 di bawah menggambarkan secara ringkas kesemua matlamat SDG:



Rajah 1: 17 Matlamat Pembangunan Mampan
Sumber: United Nations Development Programme 2019

2.0 ISU-ISU WAKAF DALAM MENCAPAI MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAH

Malaysia merupakan Negara yang memperoleh kedudukan 78 daripada 166 buah Negara yang mencapai indikator matlamat SDG. Di Malaysia, terdapat beberapa isu yang berkaitan dengan pembangunan mampan dan wakaf perlu diambil perhatian. Sorotan kajian memaparkan bahawa antara isu dihadapi oleh Negara Malaysia adalah isu kesedaran dan pemahaman masyarakat mengenai konsep pembangunan mampan dan peranan wakaf (Asmak, 2009). Terdapat keperluan untuk meningkatkan pendidikan dan kesedaran mengenai matlamat SDG serta kepentingan wakaf sebagai instrumen pembangunan mampan. Inisiatif pendidikan dan kempen

kesedaran perlu diperluas untuk memastikan masyarakat memahami potensi wakaf dan bagaimana ia dapat menyumbang kepada pembangunan mampan negara.

Seterusnya, masalah pentadbiran dan pengurusan harta wakaf merupakan isu yang sering berlaku (Rohayati & Rusnadewi, 2014). Kebiasaannya masalah pengurusan dan pentadbiran timbul kerana kakitangan yang ditugaskan kurang mahir dalam mengendalikan pelbagai kes yang membabitkan pengurusan harta tanah wakaf. Pengurusan wakaf yang tidak efektif mengundang rasa was-was dalam kalangan pemberi wakaf (Noor Inayah, 2014). Selain itu, kekurangan dan ketiadaan data maklumat tanah wakaf menjadi cabaran untuk membangunkan tanah wakaf pada masa akan datang. Pengurusan wakaf juga terdedah kepada masalah penyimpanan data. Walaupun pengurusan tanah wakaf telah mula menggunakan sistem rekod berkod, namun pengaplikasian sistem ini tidaklah begitu luas (Harun et al., 2012). Hal ini membuktikan keperluan untuk memperkuatkan kerangka perundangan, dasar, dan prosedur yang berkaitan dengan pendaftaran, pengurusan, dan pengawasan harta wakaf. Pelaksanaan sistem yang cekap dan berkesan dalam pengurusan wakaf adalah penting untuk memastikan harta wakaf digunakan dengan berkesan dan sesuai dengan niat asal penubuhannya.

Selain itu, salah satu cabaran yang dihadapi dalam membangunkan projek wakaf adalah akses kepada pembiayaan yang mencukupi. Pihak berkepentingan perlu bekerjasama untuk memastikan sumber pembiayaan yang mencukupi tersedia untuk projek-projek wakaf (Ahmad & Muhamed, 2011). Inisiatif seperti pelaburan sosial, pembiayaan bertanggungjawab, dan kolaborasi antara sektor awam dan swasta perlu diperkuatkan untuk memberikan sokongan kewangan yang diperlukan. Sungguhpun Malaysia merupakan antara negara Islam yang mempunyai persekitaran kewangan Islam yang dinamik bertaraf antarabangsa pembangunan harta wakaf yang menggunakan instrumen kewangan kontemporari berada pada tahap yang kurang memberangsangkan. Keadaan ini jelas menggambarkan bahawa pembangunan wakaf tidak berkembang sepantas pertumbuhan sistem kewangan Islam (Sulaiman, 2012). Tambahan lagi, adalah menjadi satu keperluan untuk meningkatkan kerjasama antara pihak berkepentingan seperti kerajaan, Yayasan Wakaf Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri, dan masyarakat sivil. Koordinasi yang baik antara semua pihak akan memperkuatkan usaha untuk mempromosikan pembangunan mampan melalui wakaf. Inisiatif bersama dan pertukaran pengetahuan serta pengalaman dapat memberikan manfaat yang lebih besar kepada komuniti dan negara secara keseluruhan.

Pemuliharaan alam sekitar adalah elemen penting dalam pembangunan mampan. Kedudukan tanah wakaf yang bertaburan dan keluasan yang kecil menyukarkan pembangunan dirancang untuk sesuatu projek pembangunan. Disamping itu, terdapat juga tanah-tanah wakaf yang terletak di kawasan pedalaman yang mana tiadanya kemudahan jalan masuk yang baik. Bukan itu sahaja malahan tanah yang berada di kawasan pedalaman tidak dapat digunakan untuk tujuan pembangunan kerana tiada nilai keperluan dan tiada nilai komersial selain jauh untuk pembangunan (Isamail et al., 2013). Perlu diberikan penekanan pada penubuhan wakaf alam sekitar dan projek-projek yang mempromosikan kelestarian alam dan biodiversiti. Perlindungan terhadap kawasan-kawasan alam semulajadi, pengurangan pencemaran dan amalan mampan dalam penggunaan sumber daya perlu dipromosikan melalui wakaf.

Melalui penyelesaian isu-isu ini, Malaysia dapat memaksimumkan potensi wakaf sebagai alat untuk mencapai matlamat pembangunan mampan dan menjayakan pelaksanaan SDG di negara ini. Ia memerlukan kerjasama, komitmen, dan usaha bersama semua pihak yang terlibat dalam ekosistem wakaf dan pembangunan mampan di Malaysia.

3.0 HUBUNGAN WAKAF DAN MTLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG)

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah satu agenda global yang bertujuan untuk mempromosikan kemampaman sosial, ekonomi, dan alam sekitar di seluruh dunia. Dari satu sudut pula, wakaf adalah satu sistem sokongan ekonomi Islam yang menetapkan harta untuk tujuan amal dan kemasyarakatan. Hubungan antara wakaf dan SDG di Malaysia adalah bahawa wakaf dapat menyokong pelaksanaan matlamat SDG dengan menyumbang kepada beberapa matlamat SDG yang utama. Wakaf dalam bentuk harta tanah boleh menyumbang kepada matlamat SDG mengenai Pembangunan Bandar dan Komuniti Mampan (SDG 11). Penubuhan projek wakaf yang bertujuan membangunkan komuniti tempatan, seperti wakaf pendidikan atau wakaf kesihatan dapat membantu meningkatkan taraf hidup penduduk dan meningkatkan akses kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan (Khalifah Muhammad Ali & Salina Kassim, 2020).

Wakaf juga berkait rapat dengan matlamat SDG mengenai Penghapusan Kemiskinan (SDG 1) dan Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi (SDG 8). Melalui wakaf, harta yang disumbangkan boleh digunakan untuk membangun projek dan perusahaan sosial yang memberikan peluang pekerjaan kepada golongan yang memerlukan. Ini membantu mengurangkan kemiskinan dan memperkuatkukuhkan ekonomi komuniti yang lemah. Wakaf juga boleh memberi sumbangan kepada matlamat SDG mengenai Pendidikan Berkualiti (SDG 4). Melalui wakaf pendidikan, akses pendidikan berkualiti dapat disediakan kepada golongan yang kurang bernasib baik, seperti anak yatim, golongan miskin, atau golongan terpinggir (Latiff Azha, et al., 2013). Ini membantu meningkatkan peluang pendidikan dan kesaksamaan sosial di kalangan komuniti tersebut.

Selain itu, sistem wakaf turut berkait rapat dengan matlamat SDG mengenai Perlindungan dan Pemuliharaan Alam Sekitar (SDG 13). Penubuhan wakaf alam sekitar atau taman wakaf boleh membantu memelihara kawasan-kawasan yang berharga dari segi alam sekitar dan biodiversiti. Ini memainkan peranan penting dalam memastikan warisan alam semulajadi Malaysia dikekalkan untuk generasi akan datang. Secara keseluruhannya, wakaf dapat berfungsi sebagai satu instrumen penting dalam mencapai matlamat pembangunan mampan di Malaysia dengan menyumbang kepada pelbagai matlamat SDG seperti pembangunan komuniti mampan, pengurangan kemiskinan, pendidikan berkualiti, dan pemuliharaan alam sekitar. Oleh itu, penting untuk menggalakkan dan memperkuatkan pelaksanaan wakaf di Malaysia dalam konteks matlamat SDG untuk memperkuatkukuhkan kelestarian dan kesejahteraan negara.

4.0 PENUTUP

Agenda Matlamat Pembangunan Mampan menjelang 2030 ini dilihat mempunyai manfaat kepada banyak pihak dan usaha untuk meneruskan misi pembangunan mampan menjadi instrumen antarabangsa yang penting dalam mengukuhkan kerjasama sedunia. Oleh itu, Malaysia telah menyelaraskan prinsip SDG agar selari dengan Rancangan Malaysia Ke-11(2016-2020) dalam merealisasikan dan melaksanakan 17 SDG serta menubuhkan Hala Tuju SDG Kebangsaan untuk membimbing pelaksanaan Agenda 2030 dan SDG. Langkah-langkah selanjutnya juga dirancang awal antaranya mempersiapkan SDG di peringkat sub-nasional dengan mereplikasi struktur tadbir *multi-stakeholder* negara di peringkat negeri, menggerakkan sumber dan pembiayaan melalui perkongsian sumber orang ramai, keusahawanan sosial, program CSR, sokongan dan pembiayaan dari sumber antarabangsa dan pengukuhan kesediaan data dan mengisi jurang data untuk membangunkan data set yang komprehensif untuk pelaksanaan SDG. Pendekatan secara bijaksana perlu bagi memastikan bahawa instrumen antarabangsa seperti SDG tidak bertentangan dengan nilai-nilai adat dan budaya tempatan yang berpegang kepada agama sebagai teras utama.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas sokongan yang tidak ternilai, serta kemudahan dan sumber yang disediakan sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Penghargaan turut ditujukan kepada pihak pengurusan, pensyarah, dan kakitangan UTHM yang telah memberikan kerjasama yang amat bermakna, yang turut menyumbang kepada kelancaran dan kejayaan kajian ini.

Sumbangan Pengarang

Abdul Khalim, M., Wan Yusoff, W. Z. dan Mohamad Malom, A. Z., kesemua penulis yang terlibat secara menyeluruh dalam keseluruhan proses penerbitan artikel ini, bermula daripada pembangunan idea, pengumpulan dan analisis data, penulisan manuskrip, semakan literatur, sehingga kepada penyuntingan akhir sebelum penghantaran artikel kepada penerbit.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Ali, K. M., & Kassim, S. (2020). Waqf Forest: How Waqf Can Play a Role In Forest Preservation and SDG Achievement? *Etikonomi. Jurnal Ekonomi*, 19(2), 349-364. <https://doi.org/10.15408/etk.v19i2.16310>.

- Al-Zuhaili, W. (1998) *Al-Wasaya wa al-Waqf fi al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.
- Asmak Ab. Rahman (2009), Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya Di Malaysia, *Jurnal Syariah*, 17(1), 113-152.
- Ibn Mandzur, (1990) Lisanu Al-Arobi, Dar al-Fikri.
- Isamail, M. Z., Ahmad, K., Md Ariffin, M. F., & Rosele, M. I. (2013). Pemerkasaan Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan. In 5th Islamic Economics System Conference (iECONS 2013), “Sustainable Development Through The Islamic Economics System” (pp. 4–5).
- Ismail, A. S., Mas’udi, M. F., Bahri, E. S., Halim, I., Tajang, M. N., Qasim, F., Hambali, A., & Erianton, P. (2018). Fikih Zakat Kontekstual Indonesia (pp. 1–311).
- Latiff Azha, Sayin Baharuddin, Sayurno, S. S Salahuddin, Mohd Rani Afandi & Hamid Afifah H. (2013). The practice and management of waqf education in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 90 (InCULT 2012), 22–30. doi:10.1016/j.sbspro.2013.07.06
- Masoud Ahmad, (2015), Role of Waqf in Sustainable Economic Development and Poverty Alleviation: Bangladesh Perspective, *Journal of Law, Policy and Globalization*, 42.
- Rohayati Hussin & Rusnadewi Abdul Rashid, (2013) Isu-Isu Berkaitan Tanah Wakaf Halangan Kepada Pembangunan Institusi Wakaf Pendidikan Tinggi Di Malaysia, Wakaf Pendidikan Tinggi Di Malaysia Satu Penantian (pp.141-157)
- Siti Mashitoh Mahamod (2007). Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya Di Malaysia, *Jurnal Syariah*, 15(2), 61-83.